

*Library PBM
UPT*

GADING

Jurnal
UiTM Cawangan Pahang



JILID 5 BIL: 2

JULAI – DIS 1999

ISSN 0128-5599

1. KESAN RAWATAN GENTIAN KE ATAS TENAGA HENTAMAN DAN PURATA PANJANG GENTIAN DALAM KOMPOSIT TPNR
SYED YUSAINEE SYED YAHYA
SAHRIM AHMAD
IBRAHIM ABDULLAH
2. BEBERAPA ASPEK KECANTIKAN MATEMATIK
DAUD MOHAMAD
3. THE PERFORMANCE OF KEMPAS AND KERUING IN STRUCTURAL FINGER JOINTING
SUHAIMI MUHAMMAD
WAN MAHMOOD WAN ABDUL MAJID
4. TEORI KABUR : KE ARAH PENGEMBANGAN PARADIGMA ALTERNATIF YANG ISLAMI
DAUD MOHAMAD
TAHIR AHMAD
5. APLIKASI SYARIAH DALAM PENTADBIRAN – ZULKARNAIN YUSUF
6. PENDIDIKAN DEWASA : SATU KAJIAN KES TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN DI RUMAH PENGASIH
MARINAH AWANG
SYED JAMAL ABDUL NASIR SYED MUHAMMAD
7. ORGANISASI DAN KOMUNIKASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM :
SATU TINJAUAN AWAL – RASID MUHAMAD

GADING

Jurnal UiTM Cawangan Pahang

PENAUNG

Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Ladin

PENASIHAT

Prof. Dr. Ishak Ab. Ghani

KETUA EDITOR

Mohd. Noor Ramlan

PENOLONG KETUA EDITOR

Zulkifley Mohamed

EDITOR

Nazre Ahmad @ Mohamad

Roselah Osman

Farah Haneem Abdul Jamal

Amiruldin Md. Sham

Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad

PENGURUS PENERBITAN

Azmi Salim

PEMBANTU PENERBITAN

Mohd. Narawi Hassan

Kaharudin Osman

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam jurnal ini adalah pandangan mereka dan tidak mewakili pandangan sidang pengarang **GADING**

Gading adalah terbitan

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang

Lintasan Semarak

26400 Bandar Jengka

Pahang Darul Makmur

Tel : 09 – 4663323 Fax : 09 – 4663343

KANDUNGAN

Perkara	M/Surat
1. KESAN RAWATAN GENTIAN KE ATAS TENAGA HENTAMAN DAN PURATA PANJANG GENTIAN DALAM KOMPOSIT TPNR SYED YUSAINEE SYED YAHYA SAHRIM AHMAD IBRAHIM ABDULLAH	1 - 10
2. BEBERAPA ASPEK KECANTIKAN MATEMATIK DAUD MOHAMAD	11 - 25
3. THE PERFORMANCE OF KEMPAS AND KERUING IN STRUCTURAL FINGER JOINTING SUHAIMI MUHAMMED WAN MAHMOOD WAN ABDUL MAJID	26 - 38
4. TEORI KABUR: KE ARAH PENGEMBANGAN PARADIGMA ALTERNATIF YANG ISLAMI TAHIR AHMAD DAUD MOHAMAD	39 - 47
5. APLIKASI SYARIAH DALAM PENTADBIRAN ZULKARNAIN YUSUF	48 - 55
6. PENDIDIKAN DEWASA : SATU KAJIAN KES TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN DI RUMAH PENGASIH MARINAH AWANG SYED JAMAL ABDUL NASIR SYED MUHAMAD	56 - 77
7. ORGANISASI DAN KOMUNIKASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM : SATU TINJAUAN AWAL RASID MUHAMMAD	78 - 104

PENDIDIKAN DEWASA: SATU KAJIAN KES TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN DI RUMAH PENGASIH

*Marinah Awang

**Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad

* *Fakulti Pengajian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Pengembangan, Universiti Putra Malaysia.*

** *Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka,
PAHANG.*

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat lagi tentang program-program yang dijalankan di Rumah PENGASIH. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk melihat cara bagaimana institusi Rumah PENGASIH mengendalikan program pendidikan terhadap orang dewasa yang merupakan klien utama institusi tersebut.

PENGENALAN

Unit kajian adalah bertumpu kepada program yang dijalankan di institusi Rumah Pengasih. Data-data primer dikumpulkan melalui teknik pemerhatian dan temubual. Teknik ini dilakukan sebanyak tiga kali dalam tempoh kajian ini dijalankan. Dalam kajian ini juga pengkaji hanya dapat menemubual seorang kaunselor klinikal sahaja kerana pengkaji tidak dibenarkan menemubual ahli residen lain. Data-data sekunder pula diambil daripada bahan bercetak seperti buku-buku dan risalah. Pemerihalan data dilakukan secara deskriptif dan tidak melibatkan sebarang ujian secara statistik.

RUMAH PENGASIH

Rumah PENGASIH merupakan salah satu daripada program yang ditawarkan oleh Persatuan PENGASIH Malaysia (rujuk lampiran A dan B). Rumah ini ditubuhkan kerana kesedaran bahawa perlunya sebuah rumah untuk bekas-bekas penagih dadah dalam usaha mempersiapkan diri untuk menempuh kehidupan di dalam masyarakat. Sebuah rumah yang berkonsepkan “*Love, Care and Concern*” telah ditubuhkan pada bulan Februari, 1993 dan dikenali sebagai Rumah PENGASIH (rujuk lampiran C). Rumah ini boleh menempatkan sekurang-kurangnya 80 orang residen di dalam satu-satu masa dengan satu program alternatif berlandaskan program *Therapeutic Community*. Antara empat struktur program pemulihan di Rumah PENGASIH ialah :

- a. Pembentukan tingkah laku.
- b. Emosional / Psikologikal.
- c. Intelektual / Spiritual.
- d. Vokasional / Survival.

Selain daripada itu Rumah PENGASIH ini juga berkonsepkan ciri hidup “satu keluarga di bawah satu bumbung”. Ia bermakna para residen akan didedahkan kepada pengalaman hidup dalam satu keluarga harmoni dan bahagia serta saling kasih mengasihi berlandaskan norma-norma budaya keluarga yang sebenarnya. Selain daripada itu mereka juga disyaratkan membaca dan cuba memahami ikrar dan syahadah (yang menjadi falsafah bagi rumah ini) Rumah PENGASIH sebagai rukun ikat kontrak antara mereka dan Rumah PENGASIH (rujuk lampiran E dan F).

Objektif

Objektif utama Rumah PENGASIH ialah :

- a. Mengubah tingkahlaku.
- b. Memahami dan memenuhi keperluan psikologi/ emosi.
- c. Melengkapkan kemahiran hidup.
- d. Kemahiran mengendalikan masalah.
- e. Penghayatan spiritual.
- f. Meningkatkan nilai diri.

Klien

Klien di Rumah PENGASIH terdiri daripada penagih lelaki yang datang menyerah diri atau dihantar secara sukarela oleh keluarga. Umur mereka adalah antara 13 hingga 40 tahun. Mereka akan mendaftar secara sepenuh masa selama satu tahun.

Program

Program-program yang dijalankan di institusi ini adalah seperti seminar, kaunseling kumpulan, kaunseling individu, rekreasi, ceramah agama, dialog, lawatan, berkebun dan aktiviti amal. Kesemua program ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan membaik pulih bekas-bekas penagih dari aspek tingkahlaku, perasaan dan pemikiran. Cara program ini adalah berlandaskan kepada *Therapeutic Community* dengan mengambilkira aspek-aspek dalaman klien. Dalam kata lain fokus utama dalam setiap bentuk program yang dijalankan adalah kepada “*the inner of the client*” kerana mereka berpendapat bahawa setiap tindak tanduk klien adalah berpunca dari dalam diri mereka sendiri.



Model Pendekatan Program berdasarkan Therapeutic Community

Dari aspek perasaan, klien akan digalakkan mencerahkan segala jenis perasaan yang mereka alami sama ada dalam bentuk berkumpulan ataupun individu. Aspek pemikiran pula menumpukan kepada pemberian input-input pengetahuan am, pemikiran positif, wawasan, kerohanian dan sebagainya. Sementara aspek tingkahlaku pula banyak menumpukan kepada nilai-nilai positif ke arah pembentukansuatu budaya yang positif dan dilakukan oleh klien sesama sendiri.

Sumber Kewangan

Institut PENGASIH ini memerlukan sumber kewangan melalui beberapa cara iaitu melalui peruntukan tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia, peruntukan oleh Aids Council Malaysia, derma daripada orang-orang perseorangan dan juga yuran yang dikenakan kepada peserta sebanyak RM 300.00 sebulan.

Fasilitator

Fasilitator adalah terdiri daripada bekas penagih yang pernah diberikan didikan di rumah PENGASIH dan terlibat dengan institusi ini secara langsung sebagai kakitangan. Ustaz-ustaz dan penceramah profesional pula merupakan fasilitator luar yang dijemput untuk memberikan ceramah berkenaan satu-satu isu tertentu dalam bidang masing-masing.

HASIL KAJIAN

Program Pilihan

Program yang menjadi tumpuan utama kajian ini ialah program seminar yang dijalankan setiap hari dari jam 2.00 hingga 4.00 petang. Program ini dijalankan di ruang makan di Rumah PENGASIH. Program seminar merupakan suatu kesinambungan daripada program-program yang sebelumnya iaitu program “Deparment Meeting” dan juga “Morning Meeting”. “Deparment Meeting” merupakan mesyuarat yang dianggotai oleh kumpulan-kumpulan kecil dalam bidang tugas masing-masing. Mereka akan menyentuh dan membincangkan aspek kerja yang berkaitan dan juga isu yang boleh dibangkitkan pada hari tersebut. “Morning Meeting” pula menjalankan aktiviti-aktiviti seperti membaca berita, ramalan cuaca dan perbincangan isu-isu. Di dalam perjumpaan ini kaunselor klinikal akan menentukan apakah isu yang paling sesuai untuk diperpanjang kepada aktiviti seminar. Kaunselor juga akan melihat reaksi dan keadaan para klien untuk disesuaikan dengan aktiviti-aktiviti yang seterusnya.

Objektif Seminar

- a. untuk menyedarkan klien tentang permasalahan dalaman yang dihadapi mereka
- b. untuk meningkatkan keyakinan diri klien
- c. untuk menggalakan klien mengemukakan pendapat dan buah fikiran.

Klien

Berjumlah lebih kurang 80 orang yang terdiri daripada bekas penagih lelaki yang berumur antara 13 hingga 40 tahun.

Pengendalian Program

Program seminar ini dikendalikan oleh fasilitator dengan menggunakan kaedah syarahan yang berunsur provokatif. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Fasilitator hanya menggunakan papan putih sebagai alat bantu mengajar kecuali fasilitator jemputan yang akan menggunakan alat-alat bantu tersendiri. Beliau lebih banyak menggunakan pendekatan "provoking" kepada kliennya. Klien pula didapati bersemangat untuk memberikan respon setelah di "provoke" oleh fasilitator. Peneguhan yang berunsurkan positif dan negatif sering digunakan semasa sesi penyampaian syarahan. Peneguhan positif dalam bentuk kata-kata pujian akan diberikan kepada klien yang boleh memberikan jawapan yang betul dan peneguhan negatif bagi keadaan sebaliknya. Semasa memberi syarahan,

fasilitator akan bergerak menghampiri para klien sambil bertanyakan beberapa soalan.

Sesi seminar bermula dengan kaedah percambahan fikiran yang kemudian diikuti oleh soal jawab di antara fasilitator dengan para klien. Setelah itu, fasilitator akan memberikan ceramah tentang isu yang dipersoalkan di dalam seminar tersebut. Aktiviti seminar banyak menumpukan perbincangan dari aspek pemikiran dan perasaan. Pada ketika inilah fasilitator akan menyuntik idea-idea positif dengan memberikan ilmu-ilmu pengetahuan, wawasan, budaya positif dan kemahiran hidup kepada klien. Unsur kemahiran hidup dalam konteks di sini adalah lebih merujuk kepada aspek-aspek kemahiran untuk “survival” klien contohnya menunjuk ajar cara mengawal perasaan, cara berhadapan dengan orang lain, cara mengeluarkan dan menghargai pendapat dan sebagainya.

Dalam sesi seminar ini fasilitator seringkali menjadikan diri mereka yang telah berjaya mengharungi dan mengatasi permasalahan diri sebagai model. Ini adalah kerana pada suatu ketika dahulu fasilitator juga merupakan seorang bekas penagih. Lantaran itu, dengan berbekalkan pengalaman-pengalaman lepas fasilitator akan dapat menyelami “the inner of the client” untuk disedarkan dan diperbaiki. Melalui sesi seminar ini juga, fasilitator akan memberikan input-input baru dan mengajar para klien bagaimana sepatutnya mereka bertingkah laku.

Analisis Program

Bagi tujuan penganalisisan program, kajian ini akan menggunakan teori-teori pembelajaran seperti teori pembelajaran sosial Behaviourisme, teori kognitif dan teori

Humanisme serta prinsip-prinsip pembelajaran orang dewasa untuk menganalisa fenomena yang dikaji.

Cara ini sesuai digunakan dalam konteks kajian ini kerana dapat memberikan suatu idea yang lebih bermakna, jelas dan terperinci.

Applikasi Teori Pembelajaran

Berdasarkan program seminar yang dijalankan, beberapa teori pembelajaran telah diaplikasikan sama ada secara terancang atau tanpa disedari. Fasilitator yang berfungsi sebagai “role model” kepada klien dalam program seminar tersebut menggambarkan peranan fasilitator sebagaimana pandangan ahli-ahli teori Pembelajaran sosial (Merriam And Caffarella, 1991). Fasilitator sering menggunakan dirinya sebagai model untuk menjadi pengajaran serta kefahaman kepada para klien.

Pengulangan sering digunakan untuk mengukuhkan ingatan serta kefahaman para klien. Setiap suatu perkara yang diterangkan akan diulang berkali-kali dengan menglibatkan para klien. Peneguhan akan diberikan jika mereka berjaya menjawab soalan yang diajukan. Amalan ini mengingatkan kita kepada teori Behaviourisme yang mementingkan pengulangan dan pengukuhan untuk menghasilkan suatu pembelajaran (Tennant, 1988, Rogers, 1986 dan Merriam and Caffarella, 1991).

Soal kefahaman menjadi objektif utama fasilitator seminar ini. Para klien digarap semaksimum mungkin agar memahami sesuatu konsep. Misalnya, para klien akan cuba difahamkan dengan frasa falsafah yang dipetik daripada syahadah (rujuk lampiran F) mereka iaitu seperti berikut:

“finally from myself until I confront myself in the eyes and hearts of the others”

Dengan kefahaman tersebut para klien akan dapat menyedari hakikat diri sebenarnya. Ciri-ciri ini merupakan salah satu prinsip teori pembelajaran kognitif seperti yang ditegaskan oleh Piaget, Gagner, Kohler dan lain-lain (Tennant, 1988 dan Merriam and Caffarella, 1991).

Selain daripada itu fasilitator juga sedaya upaya cuba untuk membangun serta memajukan diri para klien secara total melalui kesungguhan yang ditunjukkan untuk mengubah kefahaman, sikap, serta psikomotor mereka. Objektif program tersebut pula ialah untuk menimbulkan kesedaran diri yang tinggi di samping mampu mengawal diri sendiri bagi meninggalkan penagihan. Maka oleh itu dalam sesi seminar ini juga kita melihat fasilitator akan bersoal jawab dengan klien untuk mencari kebenaran dan hakikat diri para klien. Ciri-ciri ini amat bersesuaian sekali dengan pendekatan Humanisme yang dikemukakan oleh Abraham Maslow (1970), Carl Rogers (1983), (Merriam and Caffarella, 1991) dan Freire (1973) yang menekankan soal-soal dalaman dan kesedaran diri (self-actualization) serta autonomos.

Applikasi Prinsip Pendidikan Dewasa

Secara keseluruhannya pendekatan yang digunakan adalah bersesuaian dengan prinsip pendidikan orang dewasa. Perkara yang dibahaskan adalah menepati masalah yang dihadapi dan bermakna kepada para klien iaitu masalah penagihan (Rogers, 1986). Oleh itu para kien dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap penyampaian yang diberikan oleh fasilitator.

Dalam sesi pembelajaran, konsep penghafalan tidak diamalkan. Klien tidak disuruh menghafal sesuatu yang sukar dan boleh memberikan impak negatif terhadap proses pembelajaran mereka. Hal ini menepati prinsip pendekatan orang dewasa yang tidak suka kepada hafalan. Dalam kata lain hafalan bukanlah suatu pendekatan yang bersesuaian dengan orang dewasa (Rogers, 1986).

Fasilitator juga berjaya menyentuh perasaan klien dengan menceritakan perkara sebenar yang berlaku pada diri seseorang melalui pengalaman masing-masing (fasilitator dan klien). Peranan fasilitator sebagai “role model” memberi impak sangat besar kepada keberkesanan program dan para klien. Hal ini adalah kerana orang dewasa sememangnya belajar melalui pengalaman tidak kira positif atau negatif. Adakalanya juga pengalaman tersebut memberikan suatu “teachable moment” kepada bekas penagih (Havighurst, 1972). Dalam konteks “teachable Moment” dilihat sebagai suatu saat yang dapat memberikan pengajaran atau pembelajaran yang amat berkesan kepada individu. Saat ini akan muncul melalui proses penceritaan pengalaman yang seterusnya boleh menyentak pemikiran dan pandangan dunia mereka. Menceritakan pengalaman yang sebenar pula akan membuatkan pembelajaran lebih berkesan kerana contoh-contoh pembelajaran adalah suatu yang “real” dan bukannya “hypothetical”.

Keupayaan fasilitator membuka hati dan minda para klien untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat mengenai pengalaman masing-masing merupakan suatu kejayaan besar kepada program ini. Ia adalah kerana fasilitator berjaya mewujudkan suatu suasana pembelajaran yang benar-benar berteraskan ciri-ciri pendidikan dewasa seperti selamat, jujur, saling menghormati dan **“supportive”**.

Dalam konteks ini fasilitator bertindak sebagai **“flexible resources”** (Rogers, 1969) untuk dimanfaatkan oleh klien. Fasilitator berjaya menjadikan dirinya sebagai seorang penceramah, kaunselor, penasihat, dan sebagai orang yang berpengalaman dalam permasalahan penagihan. Ketika berdialog bersama klien fasilitator dengan hati yang terbuka dan sabar bersedia mendengar luahan pelbagai perasaan daripada klien. Fasilitator pula dapat merasai apa yang diluahkan oleh klien kerana dia juga pernah melalui peristiwa hidup yang dilalui oleh klien. Fenomena ini kemudiannya diikuti pula oleh perkongsian pengalaman antara fasilitator dengan klien. Dalam kata lain kedua-dua pihak bebas untuk mengeluar dan

berkongsi perasaan. Pembelajaran pada saat ini dilihat sangat berkesan kerana, mengikut Rogers, (1969)

“In such expression it is his “owned” attitudes which are shared, not judgement or evaluations of others”

Walau bagaimanapun fasilitator sedar akan peranan dan objektifnya dalam sesi seminar ini, sebab itulah pengkaji melihat cara fasilitator menyuntik idea-idea positif dalam usaha untuk memodifikasi tingkahlaku dengan begitu berkesan dan klien kelihatan agak mudah sekali menerima apa yang disampaikan oleh fasilitator. Inilah yang dikatakan oleh Rogers sebagai ***“the realness in the facilitation of learning”*** sepertimana kata beliau:

“When the facilitator is the real person, being what he is, entering into a relationship with the learner without presenting a front or a façade, he is much more likely to be effective. This means that the feelings which he is experiencing are available to him, available to his awareness, that he is able to live this feelings, be them, and able to communicate them if appropriate. It means that he comes into a direct personal encounter with the learner, meeting him on a person-to-person basis. If means that he is being himself, not denying himself”.

Selain daripada itu, pendekatan fasilitator yang membenarkan berlakunya kebebasan menerokai matlamat, keperluan, perasaan dan idea oleh klien telah dapat melahirkan apa yang disifatkan oleh Rogers (1969) sebagai ***“the inner freedom”***. Hal ini adalah kerana ciri-ciri ***“the inner freedom”*** jelas diterjemahkan dan dilaksanakan dalam pengedalian seminar iaitu ***“a) confronting a real problem, b) trust in the human organism, c) realness in the teacher, d) acceptance, e) empathy and f) providing resources”*** (Rogers, 1969 : 32).

Dari perspektif lain pula unsur “readiness to learn” (Havighurst, 1972) juga memainkan peranan yang penting

dalam kejayaan program seminar ini. Pada peringkat awal kemasukan para klien ke rumah PENGASIH ini telah dapat menggambarkan wujudnya unsur tersebut kerana mereka sesungguhnya datang kerana kerelaan diri sendiri. Dalam kata lain mereka sendiri menyerah diri secara sukarela untuk dipulihkan. Keadaan ini membawa mereka benar-benar bersedia untuk belajar dan dengan itu memudahkan input pembelajaran.

Dalam keadaan lain pula terlihat bahawa unsur-unsur dorongan intrinstik juga menyumbang kepada keinginan klien untuk mempelajari dan seterusnya memodifikasi tingkah laku mereka. Faktor intrinstik dikatakan lebih dominan sebagai dorongan utama kepada klien kerana penagihan merupakan suatu tingkah laku yang bermula dari dalam diri dan pemikiran klien. Hakikatnya mereka mahu membebaskan diri dari penagihan dan ini merupakan suatu perjuangan yang bermula dari “the inner of the client”. Walau bagaimanapun faktor ekstrinstik seperti dorongan keluarga, persekitaran, fasilitator dan rakan sebaya juga tidak boleh diabaikan dalam menyokong tindakan klien untuk turut serta dalam pembelajaran. Fenomena inilah yang cuba dikupas oleh Boshier (Cross, 1981) melalui “Congruence Model” yang melihat

“.... Motivation for learning is a function of the interaction between internal phsyco logical factors and external environmental variables, or at least the participant’s perception and interpretation of environmental factors”.

Pengukuhan positif seperti pujian dan penghargaan yang sering diberikan oleh fasilitator juga boleh membantu proses pembelajaran klien (Tennant, 1988, Rogers, 1986 dan Merriam and Caffarella, 1991). Perasaan klien akan menjadi gembira dan seronok apabila diberikan pengiktirafan terhadap kejayaan dan sumbangan yang mereka lakukan walaupun ia hanyalah sumbangan yang kecil. Dengan cara ini fasilitator dapat meningkatkan harga diri dan keyakinan para klien yang sememangnya

merasakan sentiasa berada dalam keadaan rendah diri dan tersisih.

Cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan program

Terdapat beberapa program yang perlu diteliti oleh fasilitator bagi meningkatkan lagi keberkesanan program-program yang dijalankan. Penggunaan pengukuhan yang berunsurkan negatif hendaklah diminimakan atau tidak digunakan langsung kerana ini boleh menjatuhkan maruah dan harga diri para klien yang sememangnya berada dalam keadaan yang rendah. Tambahan lagi pendekatan ini agak kurang sesuai digunakan terhadap pelajar dewasa yang sudah mampu berfikir dengan baik.

Selain daripada itu, untuk menghasilkan kesan yang baik terhadap program yang dijalankan bilangan klien dalam kumpulan seminar hendaklah dikecilkan dan diasingkan mengikut tahap umur ataupun tahap kepulihan klien. Cara ini akan memudahkan lagi proses "**inner therapy**" yang fasilitator gunakan untuk menyedarkan para klien. Walaupun setiap individu mengalami pengalaman penagihan yang sama namun dari segi pengalaman sosial yang lain tetap berbeza. Hal ini adalah kerana mengikut Havighurst (1972) "**developmental tasks**" yakni tanggungjawab yang sepatutnya dipegang oleh seseorang itu adalah berbeza mengikut tahap umur dan secara tidak langsung pengalaman yang klien hadapi juga adalah berbeza.

Agar pembelajaran dapat dimaksimakan, Knowles (1980) pula mencadangkan empat "physical setting" dalam menjalankan sesuatu seminar iaitu selesa, memberi kepuasan estetika, memudahkan interaksi, tidak terlalu sempit dan tidak terlalu luas. Ini mengingatkan kita kepada aplikasi teori Hirarki Keperluan oleh Maslow (1972) yang mengatakan bahawa apabila keperluan pada peringkat rendah telah dipenuhi maka individu akan berusaha untuk memenuhi keperluan yang lebih tinggi. Maka dengan itu fasilitator sedaya upaya cuba mewujudkan dan memenuhi keperluan-keperluan klien agar mereka akan lebih selesa

dan yakin untuk mencapai keperluan yang teratas iaitu “***self actualization***”. Dalam konteks ini fasilitator mungkin boleh mengurangkan bilangan peserta agar tidak terlalu ramai, mengurangkan gangguan luar seperti bunyi bising dengan mengadakan seminar di tempat yang tertutup serta memberikan keselesaan persekitaran seperti tempat duduk, kipas dan suasana perhiasan dalaman.

Aspek lain yang boleh ditingkatkan ialah dengan penggunaan alat bantu mengajar. Oleh kerana fasilitator hanya menggunakan papan putih sebagai satu-satunya alat bantu mengajar dalam setiap kali program seminar maka ini akan mewujudkan suatu keadaan “***monotonus***” yang boleh membawa kepada perasaan bosan dikalangan klien. Pada tahap ini fasilitator boleh mempelbagaikan teknik dan kaedah pembelajaran dengan menggunakan kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan objektif yang hendak dicapai seperti kerja berkumpulan, penyelesaian masalah, pembentangan, perbahasan dan sebagainya (Knox, 1986). Selain daripada itu alat bantu mengajar lain juga diperlukan sebagai bahan visual bagi cernaan untuk memperkuuhkan lagi aktiviti kognitif mereka.

Sehubungan dengan itu fasilitator boleh memberi tugas kepada klien untuk dibincangkan di dalam seminar. Tugasan boleh dalam bentuk kajian perpustakaan, penulisan laporan, pemerhatian persekitaran, temubual dan sebagainya. Dalam konteks ini fasilitator boleh mewujudkan “***the inner freedom***” dalam proses pembelajaran, di samping mencetuskan “***academic freedom***” di kalangan klien. Hal ini dapat memberi kebebasan kepada klien dalam mengemukakan pandangan dan bantahan terhadap sesuatu isu tanpa rasa tertekan (Rogers, 1969).

Masalah dan Cabaran

Antara masalah yang dikenalpasti dalam intitusi Rumah Pengasih ini ialah:

- a. kurangnya minat dan penglibatan orang perseorangan, badan kerajaan/swasta serta teknorat

mahupun biokrat dalam usaha untuk menangani masalah dadah dan HIV/AIDS di negara ini.

- b. Kekurangan kakitangan yang berkemahiran dalam bidang kaunseling.
- c. Kurangnya penglibatan dan kerjasama kaunselor-kaunselor sukarela dalam usaha menangani masalah dadah dan HIV/AIDS.
- d. Kurangnya keyakinan untuk pulih dikalangan para penagih kerana merasakan telah lama terperangkap dalam kancah penagihan.
- e. Kurangnya penerimaan dan kepercayaan di kalangan ahli keluarga, masyarakat dan tempat bekerja bahawa bekas-bekas penagih ini telah pulih dan bebas dari penagihan.
- f. Kurang kerjasama daripada pihak sukarela dalam usaha untuk menyampaikan maklumat tentang keberkesanan program atau perkhidmatan PENGASIH serta maklumat tentang dadah dan AIDS/HIV kepada masyarakat agar mereka mendapat pengetahuan yang cukup dan tepat agar tidak timbul lagi keraguan untuk menerima bekas-bekas penagih dan pembawa HIV.
- g. Kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan program dengan lebih berkesan.

Di samping masalah yang dinyatakan diatas, cabaran utama yang dihadapi oleh Rumah PENGASIH ini ialah untuk mewujudkan institusi Rumah PENGASIH serta memperluaskan lagi program-programnya ke seluruh Malaysia.

KESIMPULAN

Pendekatan prinsip pembelajaran pendidikan dewasa merupakan suatu yang sejagat. Tidak kira dalam keadaan apa sekalipun prinsip-prinsip tersebut boleh diaplikasikan untuk menghasilkan pembelajaran yang maksima. Rumah PENGASIH dengan cara yang tersendiri secara tidak sedar telahpun hampir menepati prinsip-prinsip tersebut. Walaubagaimanapun masih ada lagi bagi mereka untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi keberkesanan pembelajaran selaras dengan usaha murni mereka untuk mempercepatkan pemulihan dikalangan bekas penagih dada.

RUJUKAN

Cross, Patricia. (1981). *Adults As Learner*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Freire, Paulo. (1991). *Pedagogi kaum Tertindas*. Kuala Lumpur: Forum publication.

Jarvis P. (1988). *Adult and Continuing Education*. London: Routledge.

Knowles, M.S. (1986). *The Modern Practices of Adult Education. From pedagogy to Andragogy*. New York: Association Press.

Knox, B. (1986). *Helping Adults Learn*. San Francisco: Jossey-Bass

Lasker H, J Moore and E L Simpson (1980). *Adult Development and Approaches to Learning*. Washington D.C: The National Institute of Education.

Merriam B.S and S.R Caffarella (1991). *Learning in Adulthood*. San Francisco: Jossey-Bass.

Rogers A. (1991). **Teaching Adults**. Philadelphia: Open University Press

Rogers Carl R. (1969). *Freedom To Learn* Columbus, Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company.

Tennant M. (1988). *Psychology and Adult Learning*. London: Routledge.

(LAMPIRAN A)

LATARBELAKANG PERSATUAN PENGASIH MALAYSIA

Pengasih adalah satu badan bukan kerajaan yang tidak mencari keuntungan. Pergerakan ini bermula di pertengahan tahun 80an apabila sekumpulan bekas-bekas penagih dadah diambil bekerja dan berkhidmat dengan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BPRD) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Atas kesedaran betapa perlunya satu persatuan untuk membela nasib sendiri disamping dorongan oleh Ketua Pengarah BPRD ketika itu maka satu organisasi berstruktur yang dikenali sebagai Persatuan PENGASIH Malaysia telah dibentuk dan didaftarkan pada 25 September 1991. Keahlian PENGASIH adalah terdiri daripada semua bekas-bekas penagih warganegara Malaysia yang berusia tidak kurang dari 18 tahun. Di samping itu terdapat juga keahlian bersekutu, kehormat, dan ahli seumur hidup di dalam suasana penerimaan tanpa syarat (Non judgemental). Sehingga kini lebih daripada 3,000 orang bekas-bekas penagih seluruh Malaysia telah mendaftar sebagai ahli Persatuan PENGASIH Malaysia.

Setelah enam tahun beroperasi, persatuan ini telah menyediakan lima perkhidmatan yang bertujuan membantu bekas-bekas penagih di samping menyahut seruan kerajaan untuk memerangi masalah penagihan di negara ini. Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ialah:

- a. Rumah PENGASIH – Therapeutic Rehabilitation Programme
- b. Projek Bakti Kasih – HIV/AIDS Drop-IN Centre
- c. Projek Sinar Kasih – Work Placement
- d. Program Seruan Kasih – Outreach Programme
- e. Program Sidang PENGASIH – After Case Support Group

RUMAH PENGASIH


Alamat : 3201 – A Jalan Syers
Off Langgek Tunku
50480 Kuala Lumpur
Telefon: 03 – 6513179

Pegawai yang ditemubual:

En. Mohamad Hassan
Penolong Setiausaha
Kaunselor Klinikal


(LAMPIRAN B)

**CARTA ORGANISASI PERSATUAN PENGASIH
MALAYSIA**
PENAUNG



(LAMPIRAN C)

CARTA ORGANISASI RUMAH PENGASIH



LAMPIRAN E

IKRAR

KITA DATANG / DARI ARAH YANG SAMA / KITA
MENUJU MATLAMAT YANG SAMA / DI SINI KITA
SERUPA / KITA BELAJAR MEMPERBAIKI DIRI / DAN
BERUSAHA MENGUBAH KEHIDUPAN. / KITA SALING
MEMERLUKAN / KERANA USAHA KITA / HARI INI / DI
SINI / MENENTUKAN KESEMPURNAAN HARI ESOK /
KITA PASTI BERJAYA / KERANA KITA BERSAMA /
MEMPASTIKANNYA.

THE CREED

I AM HERE BECAUSE THERE IS NO REFUGE. FINALLY FROM MYSELF UNTIL I CONFRONT MYSELF, IN THE EYES AND HEART OF OTHERS. I AM RUNNING, UNTIL I SUFFER THEM TO SHARE MY SECRETS, I HAVE SAFETY FROM THEM, AFRAID TO BE KNOWN. I CAN KNOW NEITHER MYSELF NOR ANY OTHER, I WILL BE ALONE.

WHERE ELSE BUT IN OUR COMMON GROUND, CAN I FIND SUCH A MIRROR ? HERE, TOGETHER, I CAN AT LAST APPEAR CLEARLY TO MYSELF. NOT AS A GIANT OF MY DREAMS, NOR THE DWARF OF MY FEARS, BUT AS A PERSON, PART OF A WHOLE, WITH MY SHARE IN ITS PURPOSE.

IN THIS GROUND, I CAN TAKE ROOT AND GROW, NOT ALONE ANYMORE, AS IN DEATH, BUT ALIVE, TO MYSELF AND TO OTHERS.

LAMPIRAN F

SYAHADAH

SAYA DI SINI AKHIRNYA KERANA TIADA LAGI DAPAT BERLINDUNG DARI DIRI SENDIRI. SEHINGGA SAYA BERSEMUKA DENGAN DIRI SENDIRI INI DI MATA DAN HATI INSAN YANG LAIN, SAYA MASIH LAGI BERLARI. SEHINGGA SAYA BELUM SANGGUP MERASAI KEPEDIHAN MENCERITAKAN SEGALA RAHSIA DIRIINI, SAYA TIDAK DAPAT MENGENAL DIRI SAYA DAN YANG LAIN. SAYA AKAN SENTIASA BERSENDIRIAN.

DI MANA LAGI KALAU BUKAN DI SINI DAPAT SAYA MELIHAT CERMIN DIRI INI? DI SINI, AKAN JELAS WUJUD DIRI SAYA BUKAN LAGI SEPERTI GERGASI DALAM MIMPI – MIMPINYA SI KERDIL DALAM KETAKUTANNYA. TAPI SEPERTI SEORANG INSAN YANG BERHAK MEMPUNYAI MATLAMAT DAN TUJUAN. DI BUMI SAYA AKAN MEMBESAR, BUKAN LAGI KESEORANGAN SEPERTI DALAM KEMATIAN TETAPI HIDUP KEPADA DIRI SAYA DAN YANG LAIN